## KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
## PEPERIKSAAN AKHIR

| | | |
|---|---|---|
| **NAMA KURSUS** | **:** | **ASAS KEUSAHAWANAN** |
| **KOD KURSUS** | **:** | **ETR2022** |
| **PEPERIKSAAN** | **:** | **APRIL 2019** |
| **MASA** | **:** | **2 JAM** |

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
   BAHAGIAN A (20 Markah)
   BAHAGIAN B (40 Markah)
   BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
   i. Kertas Soalan
   ii. Kertas Jawapan Objektif
   iii. Buku Jawapan

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

**© Hak cipta Kolej Yayasan Pelajaran Johor**

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Kertas Jawapan Objektif.

**1.** Usahawan boleh didefinisikan sebagai

**A** memilih dan meneruskan peluang perniagaan.

**B** memilih dan meneruskan peluang perniagaan.

**C** usaha untuk mengaut keuntungan semata-mata.

**D** mencari, mengenal dan merebut peluang perniagaan.

**2.** Berikut adalah ciri-ciri kompentensi usahawan **kecuali**

**A** tidak berani tanggung risiko.

**B** berpandangan jauh dan bercita-cita tinggi.

**C** membuat pembaharuan untuk keperluan pelanggan.

**D** aktiviti keuntungan dan sumbangan pada masyarakat dan negara.

**3.** Antara berikut, yang manakah merupakan kompetensi keusahawanan?

i. Inisiatif.

ii. Kecekalan.

iii. Keborosan.

iv. Melihat dan merebut peluang.

**A** i dan ii

**B** ii dan iii

**C** i, ii dan iii

**D** i, ii dan iv

**4.** Apakah yang dimaksudkan dengan kompetensi keusahawanan?

**A** Merebut peluang luar biasa dengan mendapatkan bantuan kewangan.

**B** Melakukan pengorbanan peribadi atau menambahkan usaha dan masa dalam menyelesaikan sesuatu kerja.

**C** Satu proses penciptaan sesuatu barangan baru dengan menambah nilai yang memerlukan usaha dan masa.

**D** Ciri-ciri utama yang perlu ada pada seseorang usahawan yang berjaya bagi melaksanakan fungsi-fungsi keusahawanan yang berkesan.

5. Antara berikut merupakan ciri-ciri usahawan berjaya mengikut perspektif Islam **kecuali**

   **A** mempunyai ilmu dan kemahiran yang selari.

   **B** mempunyai keinginan dan kesungguhan tinggi untuk berjaya.

   **C** mempunyai niat yang hanya mengira keuntungan dan bersifat duniawi.

   **D** mengejar kecemerlangan adalah sifat-sifat yang sangat digalakkan oleh Islam.

6. Pernyataan di bawah merupakan konsep keusahawanan menurut Islam **kecuali**

   **A** merupakan kegiatan mencari harta atau mencari rezeki.

   **B** kegiatan yang mementingkan keuntungan sahaja dan bersifat duniawi.

   **C** usahawan Islam memenuhi tuntutan fardhu kifayah dalam perniagaan.

   **D** usahawan yang berjaya ialah usahawan yang mencapai al-Falah iaitu keredhaan Allah.

7. Berikut merupakan mitos usahawan **kecuali**

   **A** usahawan dilahirkan bukan dibentuk.

   **B** usahawan adalah pelaksana bukan pemikir.

   **C** usahawan adalah dari kalangan selebriti dan orang ternama.

   **D** usahawan adalah golongan yang tidak sesuai dalam akademik dan masyarakat.

8. Antara berikut, yang manakah merupakan konsep etika keusahawanan Islam?

   i. Etika penting untuk memberi panduan dan mengawal tingkah laku.

   ii. Etika adalah satu ukuran atau piawaian untuk mengkategorikan kelakuan seseorang itu sama ada baik atau tidak dan betul atau salah.

   iii. Etika adalah prinsip-prinsip asas tanggungjawab usahawan dan perniagaannya kepada masyarakat dan alam persekitaran.

   iv. Usahawan yang tidak beretika, rendah akhlak dan tiada nilai moral tidak menyebabkan bahaya pada dirinya, pekerja, masyarakat & alam sekitar.

   **A** i dan ii

   **B** ii dan iii

   **C** i, ii dan iii

   **D** i, ii dan iv

9. Produk yang terbaik mestilah mempunyai ciri-ciri kualiti yang tersendiri **kecuali**

   A harga yang mahal.

   B reka bentuk yang menarik.

   C ciri keselamatan yang unggul.

   D unik dan berbeza daripada pasaran.

10. Yang manakah antara berikut **bukan** kepentingan etika dalam perniagaan?

    A Mendapat sokongan pekerja.

    B Menjalinkan hubungan baik dengan pembekal.

    C Membuat keyakinan dalam kalangan pelanggan.

    D Mengikut kehendak sendiri tanpa mengira pendapat majoriti.

11. Antara produk atau perkhidmatan berikut yang manakah terhasil melalui inovasi jenis duplikasi?

    A Batik asli kepada batik digital.

    B Telefon kepada telefon pintar.

    C Ubat cecair kepada ubat jenis tablet.

    D Kedai dobi kepada kedai dobi layan diri.

12. Penjanaan idea yang kreatif mestilah melalui proses percambahan idea yang baik. Yang manakah **bukan** pernyataan mengenai proses percambahan idea?

    A Elak komen negatif.

    B Jana idea dengan lebih banyak.

    C Dijalankan secara persendirian.

    D Memperbanyakkan kombinasi idea.

13. Yang manakah di antara berikut **bukan** halangan kepada inovasi?

    A Malas ingin berfikir.

    B Takut kepada risiko.

    C Suka berangan-angan.

    D Tidak peka kepada perubahan.

14. Berikut merupakan analisis peluang-peluang perniagaan boleh dibuat berdasarkan beberapa faktor **kecuali**

A kreativiti dan daya cipta.

B persaudaraan dan perkauman.

C perkembangan dan perubahan ekonomi.

D perubahan dan perkembangan teknologi.

15. Peluang di dalam pasaran dianggap masih wujud jika masih terdapat ruang untuk memenuhi kehendak pasaran. Yang manakah di antara situasi yang berikut menyumbang kepada peluang perniagaan yang baik?

A Kualiti produk yang baik.

B Persaingan yang sengit.

C Produk telah lama wujud.

D Permintaan pelanggan yang statik.

16. Berikut adalah proses-proses mengenal pasti, menilai dan memilih peluang perniagaan.




gambarajah 1

X merupakan proses?

A pemilihan lokasi perniagaan.

B analisis persekitaran.

C pemantauan pesaing.

D uji kaji produk.

17. Milikan tunggal merupakan salah satu bentuk perniagaan yang terkenal di Malaysia. Apakah ciri-ciri kelebihan utama bagi perniagaan milikan tunggal yang menjadikan bentuk perniagaan ini menjadi pilihan usahawan?

i. Mudah didaftarkan.

ii. Modal disumbangkan oleh pemilik.

iii. Keuntungan menjadi hak pemilik secara keseluruhannya.

iv. Tanggungan hutang yang tidak terhad kepada modal disumbangkan pemilik.

**A** i dan ii

**B** ii dan iii

**C** i,ii dan iii

**D** ii,iii dan iv

**18.** Berikut merupakan bentuk-bentuk bantuan dan sokongan agensi kerajaan kepada usahawan **kecuali**

**A** bantuan teknikal.

**B** khidmat nasihat.

**C** bantuan infrastruktur.

**D** bantuan sumber bahan mentah.

**19.** Antara berikut yang manakah **bukan** merupakan kepentingan rancangan perniagaan?

**A** Menerangkan model perniagaan.

**B** Sebagai alat untuk menjana keuntungan semata-mata.

**C** Sebagai alat pengurusan syarikat untuk menilai kekukuhan syarikat.

**D** Sebagai alat mendapat sokongan kewangan atau sumber modal luar.

**20.** Kenal pasti elemen-elemen yang terdapat di bahagian pengenalan Rancangan Perniagaan.

i. Produk.

ii. Kandungan.

iii. Muka utama.

iv. Ringkasan produk.

**A** i dan ii

**B** i dan iv

**C** ii dan iii

**D** iii dan iv

**[20 MARKAH]**

**BAHAGIAN B (40 MARKAH)**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a) Berikan definisi usahawan. (2 markah)

b) Senaraikan **empat (4)** ciri-ciri usahawan yang berjaya. (4 markah)

c) Terangkan **dua (2)** faktor perniagaan yang baru diceburi seringkali menemui kegagalan. (4 markah)

**SOALAN 2**

a) Berikan definisi etika perniagaan. (2 markah)

b) Nyatakan **empat (4)** prinsip etika. (4 markah)

c) Terangkan **dua (2)** kepentingan etika dalam perniagaan. (4 markah)

**SOALAN 3**

a) Senaraikan **dua (2)** ciri-ciri permikiran yang kreatif. (2 markah)

b) Dalam proses kreativiti, apakah yang dimaksudkan 'inkubasi'?. (2 markah)

c) Bincangkan **tiga (3)** halangan kepada kreativiti. (6 markah)

**SOALAN 4**

a) Berikan **dua (2)** jenis syarikat di Malaysia yang telah anda pelajari. (2 markah)

b) Bincangkan **dua (2)** kelemahan dan **dua (2)** kelebihan bagi bentuk perniagaan milikan tunggal dan perkongsian. (8 markah)

**[40 MARKAH]**

**BAHAGIAN C (20 MARKAH)**

Jawab SEMUA soalan. Jawab dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

Rancangan Perniagaan adalah satu dokumen penting bagi memulakan sesuatu perniagaan. Ianya merangkumi penyataan misi dan visi perniagaan serta perancangan jangka panjang bagi sesebuah perniagaan.

a. Berikan **dua (2)** kepentingan rancangan perniagaan bagi seseorang usahawan dalam memulakan perniagaan.

(2 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** perkara yang perlu dibincangkan secara terperinci oleh seseorang usahawan di bahagian Rancangan Organisasi/Pentadbiran dalam Rancangan Perniagaan.

(8 markah)

**SOALAN 2**

Pemasaran sebagai satu aktiviti, rancangan dan proses mencipta, menyampai, menghantar dan menukar tawaran bernilai untuk pengguna, pelanggan, rakan kongsi dan masyarakat secara keseluruhan.

a. Berikan maksud pemasaran. (2 markah)

b. Huraikan **empat (4)** langkah dalam menyediakan ramalan jualan. (8 markah)

**[20 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**